- (i). "Wang" untuk Bahagian ini merujuk kepada duit syiling tender sah atau nota kertas.
- (ii). Perompakan dan Penangkapan untuk Seksyen ini bermakna item yang diinsuranskan sama ada diambil atau diserahkan; dalam kedua-dua keadaan kerana memaksa, ancaman atau keganasan fizikal yang dibuat terhadap **Anda**, **Keluarga** atau **Penghuni Rumah Anda**.

Seksyen ini tertakluk kepada had untuk "Wang" seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**.

NOTA: Sekiranya Rumah Kediaman Persendirian tidak di huni lebih daripada sembilan puluh (90) hari sama ada secara berturut-turut atau tidak dalam mana-mana satu **Tempoh Insurans**, perlindungan ini akan digantung sementara, melainkan dipersetujui oleh **Kami** melalui **Pengendorsan**.

SEKSYEN 3 – LIABILITI PERSENDIRIAN

3.1 **Kami** akan mengganti rugi **Anda** atau **Ahli Keluarga** atau **Penghuni Rumah** terhadap liabiliti undang-undang yang mungkin dipertanggungjawabkan berhubung dengan **Kemalangan** atau siri **Kemalangan** yang terjadi dari satu **Kejadian**, dalam **Tempoh Insurans** pada harta atau kecederaan anggota badan kepada mana-mana orang yang bukan merupakan ahli **Keluarga**, **Penghuni Rumah** atau yang berkhidmat dengan **Anda** untuk:

- (a) Liabiliti selaku **Tuanpunya Bangunan** yang disebabkan oleh kecacatan di **Bangunan** yang diinsuranskan;
- (b) Liabiliti selaku **Penghuni** yang disebabkan oleh **Kemalangan** yang berlaku dalam **Premis**;

Had liabiliti **Kami** tidak dalam apa jua hal melebihi jumlah yang ditetapkan di dalam **Jadual**.

Kami akan membayar juga gantirugi kepada **Anda** atau ahli **Keluarga** atau **Penghuni Rumah**;

- (i). Kos dan perbelanjaan undang-undang orang yang menuntut jika jumlah kos in berlaku sebelum tarikh **Kami** menawarkan untuk membayar, menyelesaikan, atau memulakan pemulihan tuntutan di bawah hak-hak subrogasi **Kami** berkenaan dengan mana-mana satu **Kejadian**,
- (ii). Kos perundangan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh **Anda** atau ahli **Keluarga** atau **Penghuni Rumah** dengan persetujuan **Kami**.

Jika **Bangunan-Bangunan** adalah untuk Blok Rumah Pangsa atau Pangsapuri, gantirugi **Kami** kepada **Anda** adalah terhad kepada liabiliti sah bagi tuntutan yang di buat terhadap **Anda** selaku pemilik **Bangunan**, seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**, tetapi bukan sebagai **Penghuni** yang mendiami mana-mana bahagian **Bangunan** berhubung dengan apa-apa **Kemalangan** yang berlaku semasa **Tempoh Insurans**.

Kami akan membayar gantirugi kepada wakil sah peribadi **Anda** sekiranya berlaku kematian kepada **Anda** berhubung dengan liabiliti yang ditanggung oleh **Anda** dengan syarat wakil sah peribadi **Anda** mematuhi dan memenuhi dan tertakluk kepada terma-terma, syarat-syarat serta had-had di dalam **Polisi**.

Pengecualian Khusus:

- (a) Apa-apa tuntutan yang di buat terhadap **Anda**, **Keluarga** atau **Keluarga Anda** di mana-mana negara di luar Malaysia.
- (b) Semua kos perundangan dan perbelanjaan yang mana tidak ditanggung atau boleh diperolehi semula di Malaysia.
- (c) **Kami** tidak akan bertanggungjawab ke atas kecederaan atau kerosakan yang timbul daripada atau sampingan kepada:

- (i) Pemunyaan, pemilikan atau penggunaan oleh atau bagi pihak **Anda** atau ahli **Keluarga** atau **Penghuni Rumah** berkaitan sebarang lif, jengkaut, pengangkut, kenderaan atau kapal walau apapun jenisnya;
 - (ii) Menjalankan kerja pengubahan, penambahan, pembaikan atau - penghiasan dekorasi kepada **Bangunan Anda**;
 - (iii) Kerosakan kepada harta dari penenggelaman atau gelinciran tanah, kebakaran atau letupan (selain dari letupan yang diakibatkan oleh dandang domestik yang dilekapkan kepada rumah pangsa dan pangsapuri individu) dalam **Bangunan** yang diinsuranskan;
 - (iv) Liabiliti yang timbul daripada apa-apa perjanjian kontrak.
- (d) Asbestos atau pendedahan atau potensi terdedah kepada asbestos, apa-apa kecederaan atau kerosakan sebenar atau yang dianggap berkaitan dengan asbestos melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, pembuangan atau penghindaran dari asbestos;
- (e) Mana-mana bahagian **Bangunan** yang diinsuranskan yang digunakan berkaitan dengan pekerjaan atau perniagaan **Anda**.

Seksyen ini tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam **Jadual**.

SEKSYEN 4 – KEMALANGAN DIRI

4.1 Pampasan Untuk Kematian

Anda dilindungi terhadap kecederaan maut (kematian) yang terjadi dalam Rumah Kediaman Persendirian akibat peristiwa dan **Kejadian Yang Diinsuranskan** dibawah Seksyen 1 atau 2 dibawah **Polisi** ini, dengan syarat kematian berlaku dalam tempoh tiga (3) bulan kalendar selepas kecederaan sedemikian.

Sekiranya terdapat lebih dari satu (1) nama yang diinsuranskan, **Kami** akan bertanggungjawab hanya pada satu kadar bahagian setimpal pampasan. Untuk sebuah badan Korporat, **Anda** mestilah menamakan seorang atau lebih, dan nama-nama ini hendaklah dikemukakan kepada **Kami** sebelum kecederaan maut(kematian) untuk perlindungan berkuatkuasa.

Seksyen ini tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam **Jadual**.

4.2 Manfaat Perkabungan

Kami akan membayar wakil diri **Anda** yang sah jumlah sekaligus yang dinyatakan di dalam **Jadual Polisi** sekiranya kematian **Anda** disebabkan oleh **Kejadian** dinyatakan di Seksyen 4.1 setelah penyerahan dokumen yang diperlukan.

Seksyen ini tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam **Jadual**.

SEKSYEN 5 - MANFAAT PELBAGAI

5.1 Elaun Kesulitan

Apabila berlakunya **Kejadian Yang Diinsuranskan Kami** akan menggantikan **Anda** sehingga amaun yang dinyatakan dalam **Jadual**, untuk kos berikut jika ditanggung:

- (a) laporan dan caj Briged Bomba / BOMBA / Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM);
- (b) Elaun bantuan / pembersih domestik yang:
 - (i) mestilah ditanggung dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kerugian atau dari tarikh **Bangunan** (atau sebahagian daripadanya) selamat untuk dihuni, yang mana lebih awal dan;
 - (ii) dibayar hanya sekali dalam **Tempoh Insurans** dan akan terhenti sebaik sahaja tuntutan dibuat di bawah manfaat ini.
- (c) Kos penggantian Dokumen Undang-undang yang hilang sekiranya dilaporkan kepada pihak polis (PDRM) dalam masa dua puluh empat (24) jam.

Definisi Khusus:

"Dokumen Undang-undang" untuk Bahagian ini bermakna dokumen yang sah dan boleh diperakui di mahkamah.

Seksyen ini tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam **Jadual**.

5.2 Kerosakan cermin di **Bangunan** disebabkan **Kemalangan**: -

Pengecualian Khusus:

- (a) Cermin Bimbit

Seksyen ini tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam **Jadual**.

5.3 Kerugian atau kerosakan oleh **Kejadian Yang Diinsuranskan** untuk **Isi Kandungan** yang dikeluarkan secara sementara dari **Bangunan Anda**, tetapi masih berada di dalam **Kawasan Geografi**: -

Pengecualian khusus:

- (a). **Isi Kandungan** yang dipindahkan untuk jualan atau pameran;
- (b). **Isi Kandungan** yang diletakkan di tempat simpanan perabut;
- (c). Dengan syarat bahawa **Isi Kandungan** tersebut tidak dilindungi di bawah polisi insurans yang lain;

(d). Kerugian sementara Isi **Kandungan** dalam transit.

Seksyen ini tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam **Jadual**.

5.4 Insurans Sewa

Selaku tuanpunya, **Anda** dilindungi untuk kerugian sewa sekiranya Rumah Kediaman Persendirian **Anda** seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual** tidak boleh dihuni akibat daripada **Kejadian Yang Diinsuranskan** bagi tempoh yang diperlukan untuk pengembalian semula.

Selaku **Penghuni, Kami** akan membayar perbelanjaan tambahan yang munasabah yang perlu ditanggung olehnya semasa disesebuah hotel, rumah tumpangan atau rumah penginapan akibat daripada sesuatu **Kejadian Yang Diinsuranskan**, bagi tempoh yang diperlukan untuk pengembalian semula.

Manfaat ini adalah tambahan kepada keseluruhan **Jumlah Yang Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**.

Seksyen ini tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam **Jadual**.

PENGECUALIAN AM – DIGUNAPAKAI UNTUK KESELURUHAN POLISI

ANDA TIDAK AKAN DILINDUNGI DI BAWAH KEADAAN-KEADAAN BERIKUT:

1. **Kami** tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (a) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) atau perang saudara;
 - (b) Dahagi, mogok (kecuali diinsuranskan dibawah Seksyen 1.9 di atas), kebangkitan tentera atau orang awam, insurreksi, pemberontakan, revolusi, rampasan kuasa pihak tentera, pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab-sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan pemerintahan tentera atau keadaan pengepungan;
 - (c) Sebarang tindakan keganasan - Untuk tujuan ini tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan paksaan atau kekerasan dan/atau ugutan sedemikian, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau seumpamanya termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau meletak orang awam atau sebahagian orang awam berada di dalam ketakutan;
 - (d) Sebarang kerugian atau kerosakan atau kontigensi lain yang berlaku semasa wujudnya keadaan yang luar biasa (sama ada fizikal atau sebaliknya) yang disebabkan oleh atau menerusi atau akibat mana-mana satu **Kejadian** tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung, mana-mana **Kejadian** tersebut hendaklah dianggap sebagai kerugian, kerosakan atau suatu kontigensi yang tidak dilindungi oleh insurans ini, melainkan **Anda** boleh membuktikan kerugian, kerosakan atau kontigensi lain tersebut berlaku secara berasingan daripada kewujudan keadaan yang luar biasa tersebut;
 - (e) Di dalam apa-apa tindakan guaman atau prosiding lain, di mana, apabila **Kami** mengatakan bahawa dengan sebab peruntukan syarat ini, sebarang kerugian atau kerosakan tidak dilindungi oleh insurans ini, beban untuk membuktikan kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi, adalah bergantung kepada **Anda**.
2. **Kami** tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan:
 - (a) yang disebabkan oleh pemberhentian kerja, atau oleh sebab perampasan, penyitaan ketenteraan, rekuisi atau kemusnahan atau kerosakan kepada harta dengan perintah kerajaan de jure atau de facto atau mana-mana Perbandaran Awam atau Pihak Berkuasa Tempatan Negara atau kawasan terletaknya harta tersebut;
 - (b) kepada harta melalui penapaian, kepanasan semula jadi atau kebakaran spontan atau oleh sebab ia melalui sebarang proses pemanasan atau pengeringan;
 - (c) yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh bahan senjata nuklear;
 - (d) yang timbul daripada atau akibat daripada atau yang disumbangkan oleh pancaran pengionan atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau apa-apa bahan buangan nuklear atau dari pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan Pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk apa-apa proses pembelahan nuklear yang mampu diri.
3. **Kami** tidak akan melindungi apa-apa jenis **Kerugian Turutan** atau kerugian kewangan kecuali Insurans Sewa (Seksyen 5.4). Perlindungan **Polisi** insuran ini adalah dihadkan kepada kehilangan dan kerugian fizikal.
4. **Kami** tidak akan menampung kerosakan kaca di konservatori, rumah hijau atau **Bangunan Luaran**.
5. **Kami** tidak akan melindungi kerugian atau kerosakan yang timbul daripada **Haus Dan Luluh**, penyusutan beransur-ansur, **susut nilai**, kerosakan mekanikal atau elektrik atau kerosakan rama-rama, vermin, apa-apa proses pembersihan, pencelupan, pembaikan atau pemulihan atau tindakan cahaya, keadaan atmosfera atau iklim.

BAGAIMANA KAMI MENYELESAIKAN TUNTUTAN ANDA - DIGUNAPAKAI UNTUK KESELURUHAN POLISI

Kepentingan Boleh Insurans

Hanya **Anda** yang berhak membuat tuntutan daripada **Kami** kecuali jika berlaku kematian kepada **Anda** atau melalui kuatkuasa undang-undang, penukaran kepentingan insurans ini kepada orang lain hanya boleh berkuatkuasa setelah **Kami** mengendorsi **Polisi** ini.

Tidak Ada Hak untuk Membuat Tuntutan Daripada Orang Lain

Ketika **Polisi** ini menginsuranskan harta milik **Keluarga Anda** atau orang gaji domestik, hanya **Anda** yang berhak membuat tuntutan bagi pihak mereka.

Liabiliti undang-undang terhad kepada Tiga (3) Tetamu Berbayar, Penyewa asrama atau Penginap sahaja.

Seksyen 3 **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi sehingga maksimum tiga (3) tetamu berbayar, penyewa asrama atau penginap berkenaan dengan mana-mana satu **Kemalangan** atau siri **Kemalangan** yang timbul dari satu **Kejadian**, dalam **Tempoh insurans** kepada harta atau kecederaan anggota kepada orang lain, yang bukan ahli **Keluarga Anda** atau mereka atau **Penghuni Rumah Anda** atau mereka atau dalam perkhidmatan **Anda** atau mereka.

Nilai Pasaran

Kami akan mengganti rugi **Anda** nilai yang diinsuranskan atau nilai pasaran bagi harta yang diinsuranskan yang mana lebih rendah, dan tertakluk kepada pemotongan sebarang **Lebihan**.

Nilai pasaran bermaksud nilai ke atas harta yang diinsuranskan pada masa berlakunya kerugian atau kerosakan tolak pertimbangan wajar kerana **Haus Dan Lusuh** dan/atau **Susutnilai**.

Nilai pasaran akan ditentukan melalui penilaian oleh **Kami** daripada:

- (a). pengeluar, atau
- (b). agen tunggal yang sah atau agen, atau
- (c). broker yang sah, pengedar yang sah, atau
- (d). kontraktor bangunan, atau
- (e). penyelaras kerugian berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, atau
- (f). Penilai Berdaftar di bawah Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Estet 1981 yang dilantik secara bersama di antara **Anda** dan **Kami**.

Penilaian yang diperolehi adalah bukti muktamad di dalam mana-mana prosiding guaman terhadap **Kami**.

Liabiliti Maksimum Kami

Jumlah keseluruhan liabiliti **Kami** kepada **Anda** berkenaan dengan kerugian atau kerosakan di dalam mana-mana satu **Tempoh Insurans** tidak akan melebihi jumlah yang dinyatakan terhadap setiap butiran atau secara agregat Keseluruhan **Jumlah Yang Diinsuranskan** yang dinyatakan secara khusus di dalam **Jadual** atau jumlah lain yang disahkan di dalam **Polisi**.

Purata

Jika nilai pasaran harta yang diinsuranskan secara kolektif mempunyai nilai yang lebih besar daripada **Jumlah Yang Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**, maka **Anda** hendaklah bertanggungjawab ke atas perbezaan tersebut dan hendaklah menanggung perkadaran setimpal bagi kerugian tersebut sewajarnya. Perkongsian kadar kerugian diguna pakai secara berasingan terhadap setiap butiran yang diinsuranskan.

Lebihan

Bagi kerugian atau kerosakan kepada **Bangunan** oleh mana-mana **Kejadian Yang Diinsuranskan** yang tertakluk kepada **Lebihan**, **Lebihan** diguna pakai secara berasingan kepada:

- (a) setiap **Kejadian Yang Diinsuranskan**, Manfaat atau item atau kedua-duanya dinyatakan dalam **Jadual**;
- (b) setiap insiden. Jika **Kejadian Yang Diinsuranskan** yang sama berlaku dalam masa tujuh (7) hari berturut-turut, ia adalah dianggap insiden yang sama.

Had Pampasan

Untuk kerugian atau kerosakan oleh mana-mana **Kejadian Yang Diinsuranskan** di mana had ke atas **Indemniti** dipakai, had tersebut akan dipakai secara berasingan kepada:

- (a) setiap **Bangunan**. Semua **Bangunan** di dalam **Premis** yang sama seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual** adalah dianggap sebagai satu **Bangunan**;
- (b) setiap insiden. Jika **Kejadian Yang Diinsuranskan** yang sama berulang dalam masa tujuh (7) hari berturut-turut, ia adalah dianggap insiden yang sama.

Insurans Lain

Jika terdapat sebarang **Polisi** lain yang memberi perlindungan yang sama atau sebahagian daripada kerugian, kerosakan atau liabiliti, **Kami** hanya akan membayar perkadaran setimpal daripada jumlah kerugian, kerosakan atau liabiliti.

Subrogasi

Kami berhak untuk melaksanakan di atas nama **Anda** dan bagi pihak **Anda**:

- (a) pengendalian penuh, kawalan dan penyelesaian apa-apa prosiding;
- (b) mendapatkan kembali pampasan atau **Indemniti** dari mana-mana pihak ketiga berkenaan apa-apa yang dilindungi di bawah **Polisi** ini.

di atas perbelanjaan dan manfaat **Kami** sendiri.

Penipuan

Kami tidak akan membayar sekiranya tuntutan **Anda** dibuat dengan cara penipuan oleh **Anda** atau oleh sesiapa yang bertindak bagi pihak **Anda**.

Hak Akses dan Kawalan

Apabila berlaku apa-apa kerugian atau kerosakan **Kami** berhak untuk:

- (a) memasuki mana-mana **Bangunan** di mana kerugian dan kerosakan tersebut telah berlaku;
- (b) mengambil dan mengekalkan milik harta yang diinsuranskan;
- (c) menguruskan sisaan harta yang diinsuranskan yang telah rosak.

Walau bagaimanapun **Anda** tidak boleh meninggalkan harta yang diinsuranskan yang telah rosak itu kepada **Kami**.

Timbangtara

Jika terdapat apa-apa pertelingkahan yang timbul mengenai amaun kerugian dan kerosakan di antara **Anda** dan **Kami**, pertelingkahan sedemikian hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh **Anda** dan **Kami**. Jika **Anda** dan **Kami** tidak mencapai persetujuan dengan seorang Penimbang Tara tunggal, dalam tempoh dua bulan apabila dikehendaki secara bertulis untuk berbuat demikian, maka pihak **Anda** dan **Kami** layak untuk melantik Penimbang Tara masing-masing dan hendaklah melantik seorang wasit untuk mempengerusikan mesyuarat tersebut. Walau bagaimanapun, satu pihak adalah bebas untuk melantik seorang Penimbang Tara tunggal sekiranya pihak yang satu lagi gagal untuk melantik seorang Penimbang Tara dalam masa dua bulan setelah menerima notis secara bertulis untuk melantik seorang Penimbang Tara yang lain.

Kos timbangtara dan award hendaklah diputuskan oleh Penimbang Tara atau wasit yang membuat award.

Anda dan **Kami** dengan jelas bersetuju bahawa award oleh Penimbang Tara atau wasit hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum **Anda** boleh memulakan prosiding guaman terhadap **Kami**.

BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT TUNTUTAN (DIGUNAPAKAI UNTUK BANGUNAN DAN/ATAU ISI KANDUNGANNYA)

Notis dan Bukti Tuntutan

Anda hendaklah dengan segera memberitahu **Kami** secara bertulis mengenai apa-apa kerugian atau kerosakan dan:

- (i). dalam tempoh 30 hari selepas **Kejadian** dan di atas perbelanjaan **Anda** sendiri, menyerahkan kepada **Kami** tuntutan secara bertulis dengan mengemukakan butir-butir terperinci dan bukti-bukti munasabah sebagaimana yang **Kami** perlukan.
- (ii). bagi kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kecurian atau percubaan mencuri, **Anda** mestilah membuat laporan polis dengan segera.

Pelan-pelan Bangunan

Sekiranya **Kami** memilih untuk memulihkan semula mana-mana **Bangunan**, **Anda** hendaklah menyediakan kepada **Kami**, pelan-pelan, spesifikasi-spesifikasi dan kuantiti-kuantiti sebagaimana yang mungkin dikehendaki **Kami**.

Tuntutan Liabiliti

Sekiranya **Anda**, **Keluarga Anda** atau **Penghuni Rumah Anda** menerima sebarang notis tentang sebarang **Kemalangan** atau tuntutan daripada pihak lain, memberi **Kami** notis segera secara bertulis dan secepat mungkin membekalkan **Kami** butir-butir penuh secara bertulis.

Anda, **Keluarga** atau **Penghuni Rumah Anda** akan menghantar kepada **Kami** dengan serta-merta apa-apa writ, saman atau proses perundangan lain yang dikeluarkan atau dimulakan terhadap **Anda**, **Keluarga** atau **Penghuni Rumah Anda** dan memberikan semua maklumat dan bantuan yang diperlukan untuk membolehkan **Kami** menyelesaikan atau menentang sebarang tuntutan atau prosiding institut.

Anda tidak boleh tanpa keizinan bertulis **Kami**:

- (i). mengaku atau menolak mana-mana tuntutan atau liabiliti;
- (ii). menawarkan atau berunding untuk membayar tuntutan.

TANGGUNGJAWAB ANDA – DIGUNAPAKAI UNTUK KESELURUHAN POLISI

Tanggungjawab Untuk Mengambil Langkah Berhati-hati

Anda hendaklah menggunakan segala usaha dan kecermatan yang munasabah bagi menyelenggara **Premis** tersebut dalam keadaan sesuai untuk dibaik pulih. Sebagai tuannya Kediaman Persendirian, **Anda** hendaklah membaiki secepat mungkin apa-apa kecacatan yang ditemui dan pada masa yang sama, mengambil langkah berhati-hati untuk mencegah daripada berlakunya kecederaan, kerugian dan kerosakan.

Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kecederaan, kerugian dan kerosakan yang disebabkan oleh kegagalan **Anda** untuk memulihkan kecacatan itu selepas menerima notis daripada **Kami** atau daripada mana-mana orang atau badan awam.

Bayaran Jumlah Yang Dinsuranskan

Selepas sesuatu kerugian, **Jumlah Yang Diinsuranskan** di bawah insurans ini hendaklah dikekalkan secara penuh.

Anda adalah dikehendaki untuk membayar **Premium** tambahan secara pro rata berdasarkan jumlah kerugian yang dihitung dari tarikh kerugian tersebut sehingga tarikh tamat insurans.

Fasal Polisi Tanpa Nilai

Ini adalah suatu **Polisi** tanpa nilai. **Anda** mestilah membuktikan sehingga syarikat berpuashati akan nilai atau jumlah sebenar harta pada masa berlakunya kemusnahan tersebut.

BAGAIMANA POLISI ANDA BOLEH DIBATALKAN

Anda boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada **Kami**. **Anda** berhak untuk mendapat bayaran balik **Premium** setelah **Kami** caj kepada **Anda** berdasarkan kadar jangka pendek yang lazim atau **Premium** minimum yang harus dibayar di bawah **Polisi** ini, yang mana lebih tinggi.

Kami juga boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dengan memberi **Anda** notis tujuh hari secara bertulis dan akan memulangkan **Premium** secara pro rata untuk **Tempoh Insurans** yang belum tamat.

WARANTI AM - DIGUNAPAKAI UNTUK KESELURUHAN POLISI

Polisi ini adalah tertakluk kepada **Waranti-Waranti** berikut:

Waranti Larangan Barang Niaga

Tidak ada mana-mana bahagian **Premis** digunakan untuk membuat atau meletak atau menyimpan barang niaga semasa berkuatkuasanya **Polisi** ini.

Waranti Premium

Premium yang perlu dibayar kepada **Kami** mesti dijelaskan dan diterima oleh **Kami** dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh bermulanya **Polisi**/endorsemen/sijil pembaharuan .

Jika syarat ini tidak dipatuhi, maka kontrak ini secara automatik adalah terbatal dan **Kami** berhak ke atas **Premium** pro rata sepanjang tempoh **Kami** menanggung risiko.

Apabila **Premium** yang perlu dibayar diterima oleh ejen **Kami** yang diberi kuasa, bayaran tersebut hendaklah dianggap sebagai telah diterima oleh **Kami** bagi maksud **Waranti** ini.

Beban membuktikan bahawa **Premium** yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuklah ejen insurans yang tidak diberi kuasa untuk menerima **Premium** tersebut terletak pada **Kami**.

Nota: **Polisi** ini ditulis dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara kedua-dua versi bahasa, versi bahasa Inggeris akan diguna pakai.

MANFAAT TAMBAHAN DENGAN PREMIUM PENAMBAHAN

*(Pilihan Tambahan akan dipaparkan pada **Jadual Polisi** **Anda** jika manfaat tambahan dibeli)*

1. Insurans Sewa Tambah nilai

Insurans ini diperluaskan dengan tambahan had sewa sedia ada seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5: Manfaat Pelbagai, subseksyen 5.4: Insurans Sewa.

Seksyen ini tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam **Jadual**.

2. Platform Aplikasi Perkongsian Rumah (elektronik atau digital)

Insurans ini diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan **Bangunan** dan / atau **Kandungan** daripada **Kerosakan Berniat Jahat** yang disebabkan oleh tetamu, dan tertakluk kepada **Pengecualian Am Polisi** ini dan **Pengecualian Khusus** setiap bahagian **Polisi** ini.

Definisi Khusus:

(i). Platform Aplikasi Perkongsian Rumah (elektronik atau digital) di Bahagian ini merujuk kepada mana-mana platform berasaskan web internet yang terlibat dalam mana-mana perkongsian rumah, transaksi sementara atau jangka pendek untuk **Bangunan** **Anda** dan / atau penggunaan **Isi Kandungan** **Anda** yang diinsuranskan.

Seksyen ini tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam **Jadual**.

3. Perlanjutan Tuan Tanah

Insurans ini diperluaskan untuk meliputi **Kerosakan Berniat Jahat** seperti yang diperuntukkan dalam subseksyen 1.9, sehingga **Jumlah Diinsuranskan** yang dinyatakan di dalam **Jadual Polisi** **Anda** samada untuk **Bangunan**, **Isi Kandungan** atau kedua-duanya oleh penyewa (termasuk Penyewa yang melarikan diri untuk mengeluarkan surat tuntutan bagi sewa tertunggak dalam **Tempoh Insurans Polisi** **Anda**).

Pengecualian khusus:

- (a) **Haus Dan Luluh Bangunan;**
- (b) Penyelenggaraan yang kurang memuaskan oleh penyewa **Anda**, **Keluarga**, **Penghuni Rumah**, saudara-mara atau tetamu penyewa **Anda**; atau
- (c) Kos pembersihan, penghiasan semula, lukisan atau kertas dinding kecuali kerosakan struktur fizikal telah berlaku kepada **Bangunan** **Anda**.

Pengendorsan ini tidak terpakai kepada tetamu berbayar, penyewa asrama atau penginap yang diselenggarakan melalui penggunaan mana-mana platform aplikasi perkongsian rumah (elektronik atau digital).

Kami akan membayar **Anda** sejumlah wang sehingga had seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual** kos guaman pengeluaran surat tuntutan untuk **Anda** bagi kehilangan sewa dalam hal Penyewa yang melarikan diri. Manfaat ini hanya boleh dituntut sekali (1) dalam **Tempoh Insurans Polisi Anda**.

"**Penyewa yang melarikan diri**" bermaksud penyewa melarikan diri atau meninggalkan obligasi penyewa di bawah penyewaan **Bangunan Anda** tanpa apa-apa notis (bertulis / lisan) jika gagal membayar penyewaan atau tanpa niat untuk kembali atau menghormati penyewaan tersebut.

Seksyen ini tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam **Jadual**.

4. Kerosakan Impak Sendiri

Insurans ini diperluaskan untuk meliputi kerosakan Impak seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 1: Kebakaran & Risiko Lain, subseksyen 1.4, termasuk apa-apa tindakan yang disebabkan oleh **Anda, Keluarga, Penghuni Rumah**, ejen atau pekhidmat **Premis** yang diinsuranskan.

5. Penenggelaman Dan Tanah Runtuh

Insurans ini diperluaskan untuk melindungi kerugian atau kerosakan terhadap harta yang diinsuranskan yang disebabkan oleh:

- (a) penenggelaman tapak tanah **Bangunan** yang didirikan atau tanah kepunyaannya; atau
- (b) Tanah runtuh.

Pengecualian khusus:

Perlindungan ini mengecualikan kerugian atau kerosakan:

- (a) ke atas kolam renang, teres, patio, laluan kenderaan, laluan pejalan kaki, dinding, pintu pagar dan pagar kecuali bahagian lain **Bangunan** rosak disebabkan oleh punca yang sama dalam waktu yang sama;
- (b) kepada atau akibat yang berpunca dari pergerakan bidur lantai yang kukuh kecuali asas binaan di bawah dinding luaran **Bangunan** rosak oleh sebab yang sama dan dalam waktu yang sama;
- (c) akibat secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - (i) **Hakisan** pantai atau sungai;
 - (ii) Perobohan, pengubahsuaian struktur atau pembaikan struktur;
- (d) Kecacatan pada rekabentuk atau pembinaan asas yang tidak sepadan.

Seksyen ini tertakluk kepada **Lebihan** yang dinyatakan dalam **Jadual**.

6. **Rompakan, Penahanan** atau Kecurian (tanpa pecah masuk atau keluar)

Insuran ini diperluaskan untuk melindungi **Rompakan, Penahanan** atau kecurian sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 2.1, tidak disertai dengan memecah masuk atau keluar dari **Bangunan**;

Pengecualian Khusus:

- (a) oleh mana-mana **Keluarga, Penghuni Rumah**, saudara-mara, pihak-pihak yang dijemput oleh **Anda, Keluarga Anda**, atau **Penghuni Rumah** atau yang secara sah di **Premis**;
- (b) jika **Bangunan** atau mana-mana bahagiannya dipinjamkan, disewa atau disewa-semula;
- (c) jika **Kejadian** itu berlaku dalam mana-mana **Bangunan Luaran** atau kawasan **Terbuka** di **Premis**;
- (d) kehilangan wang, dokumen atau harta pembantu rumah;
- (e) Kerugian yang tidak dilaporkan kepada polis dalam masa dua puluh empat (24) jam;
- (f) Kerugian yang timbul daripada **Kejadian Yang Diinsuranskan** yang dilakukan oleh mana-mana ahli **Keluarga**, saudara-mara atau **Penghuni Rumah Anda**;

Seksyen ini tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam **Jadual**.

7. Perlindungan Gadai Janji: -

Insuran ini diperluaskan untuk melindungi gadai janji yang tertunggak di mana:

- (A) **Kami** akan membayar bayaran balik gadai janji bulanan atau jumlah pembiayaan sekiranya **Bangunan Anda** dianggap tidak dapat didiami buat sementara waktu disebabkan oleh **Kejadian yang diinsuranskan** dalam **SEKSYEN 1: KEBAKARAN & RISIKO LAIN** tetapi hanya berkenaan dengan tempoh yang diperlukan untuk membina semula atau mengembalikan semula **Bangunan** dan tertakluk subjek kepada had seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.
- (B) Sekiranya **Anda** mengalami kematian atau **Hilang Upaya Kekal Keseluruhan** seperti tertera dalam **SEKSYEN 4: KEMALANGAN DIRI** yang disebabkan oleh **Kejadian Yang Diinsuranskan** yang berlaku di dalam **Bangunan**, **Kami** akan membayar kepada jumlah yang **Anda** berhutang pada Gadai janji **Anda** tetapi tidak melebihi had seperti yang dinyatakan di dalam **Polisi Jadual**.

Manfaat di atas adalah tertakluk kepada had berikut:

- (i). Di mana **Bangunan** di bawah gadai janji dibeli di bawah nama bersama, setiap orang yang diinsuranskan bersama dalam **Polisi Anda**, berhak kepada bahagian yang sama bagi **Jumlah Diinsuranskan**. Sekiranya Kematian atau **Hilang Upaya Kekal Keseluruhan** bagi satu (1) orang, pembayaran tuntutan adalah mengikut kadar yang berpatutan.
- (ii). Perlindungan ini akan berhenti berkuat kuasa serta-merta, sebaik sahaja gadai janji itu dibayar sepenuhnya; atau sekiranya **Anda** melupuskan **Bangunan**.
- (iii). Tambahan ini tidak terpakai bagi pemilik syarikat berdaftar.

Seksyen ini tertakluk kepada had seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual**.

8. **Perlindungan Pembelian Tiga Puluh (30) Hari**

Insurans ini diperluaskan untuk melindungi pembelian terkini **Anda**, di mana **Kami** akan membayar **Anda** dan **Keluarga Anda** untuk sebarang barangan isi rumah atau peribadi (tidak termasuk Wang dan wang tunai) yang **Anda** beli untuk kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh mana-mana **Kejadian Yang Diinsuranskan** yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pembelian **Anda**, hanya jika dan setakat pembelian tersebut tidak diinsuranskan sebaliknya, sementara di dalam **Bangunan** atau **Premis** yang diinsuranskan.

Kami akan membayar **Anda** dan **Keluarga Anda** untuk kehilangan atau kerosakan sedemikian dengan membayar wang tunai, penggantian atau pembaikan (pada pilihan **Kami**) dan tambahan ini tidak akan tertakluk kepada apa-apa bentuk sumbangan insuran lain.

Seksyen ini tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam **Jadual**.

9. **Perlindungan berkenaan dengan perubahan, pembaikan dan penambahan yang dilakukan kepada **Bangunan** yang diinsuranskan.**

Manfaat Liabiliti Peribadi di bawah Seksyen 3 kini akan melindungi liabiliti yang timbul daripada atau bersampingan dengan pelaksanaan perubahan, tambahan, pembaikan atau dekorasi kepada **Bangunan**.

Perlindungan ini adalah sebagai tambahan kepada **Jumlah Yang Diinsuranskan Bangunan**

10. **PERLANJUTAN TAMBAHAN TUAN TANAH**

Kami akan melindungi **Anda** terhadap mana-mana **Penyewa Yang Melarikan Diri** mengikut Perjanjian Penyewaan yang termaktub di dalam jadual manfaat di bawah, tertakluk kepada had Pelan yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi Anda** berkenaan dengan penyewaan **Premis Anda** yang diinsuranskan semasa **Tempoh Insurans Polisi Anda**.

JADUAL MANFAAT

MANFAAT		PLAN A	PLAN B	PLAN C
		Had (RM) untuk tempoh insurans		
BAHAGIAN A: GAGAL MEMBAYAR SEWA				
A.1	Kehilangan pendapatan sewa yang perlu dibayar oleh Penyewa Yang Melarikan Diri (lebih rendah daripada had bulanan atau sewa bulanan yang dinyatakan dalam Perjanjian Penyewaaan sehingga maksimum 2 bulan sewa)	1,500 bulanan	2,500 bulanan	5,000 bulanan
A.2	Pembayaran balik kos guaman untuk mengeluarkan surat tuntutan bagi kehilangan pendapatan sewa Anda disebabkan Penyewa Yang Melarikan Diri .	500	750	1,000
BAHAGIAN B: FAEDAH TAMBAHAN				
B.1	Kos pembaikan atau penggantian berkenaan dengan kehilangan atau kerosakan pada Harta Yang Diinsuranskan yang disebabkan secara langsung oleh Penyewa Yang Melarikan Diri tertakluk kepada Had Tahunan Pelan yang dipilih.	4,000	6,000	8,000
B.2	Kecurian atau pecah rumah kepada sebahagian atau keseluruhan Harta yang Diinsuranskan disebabkan oleh Penyewa Yang Melarikan Diri	1,000	1,500	2,000
B.3	Bil Utiliti tertunggak untuk air dan elektrik yang disebabkan oleh Penyewa Yang Melarikan Diri yang Anda bertanggungjawab	250	500	1,000

Syarat Khusus

- Perjanjian penyewaan tambahan ini mesti berkuat kuasa pada masa **Penyewa Melarikan Diri**;
- Peristiwa **Penyewa Yang Melarikan Diri** mesti berlaku semasa **Tempoh Insurans**;
- Tambahan ini tertakluk kepada Pelan yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**;
- Laporan Polis mesti dibuat terhadap **Penyewa Yang Melarikan Diri** sebelum membuat tuntutan di bawah tambahan ini;
- Tambahan ini tidak terpakai kepada tetamu yang membayar, penghuni asrama atau penginapan yang diatur menggunakan mana-mana platform aplikasi perkongsian rumah (elektronik atau digital).
- Anda** mesti segera memaklumkan secara bertulis kepada **Kami** tentang sebarang kerugian atau kerosakan dan perbelanjaan **Anda** sendiri dan dalam masa 60 hari selepas kejadian yang menimbulkan tuntutan dan menyerahkan kepada **Kami** tuntutan secara bertulis dengan butir-butir dan bukti terperinci sebagaimana yang **Kami** perlukan secara munasabah.
- Untuk kehilangan atau kerosakan akibat kecurian atau percubaan kecurian, **Anda** mesti membuat laporan Polis dan memaklumkan serta menyerahkan laporan tersebut kepada **Kami** dengan segera.

Pengecualian Khusus:

Kami tidak akan membayar untuk:

- Kehilangan atau kerosakan harta benda yang tidak diinsuranskan di bawah **Polisi** utama ini;
- Kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh **Haus & Lusuhan Harta yang Diinsuranskan**;

- (c). Kehilangan atau kerosakan harta benda yang diinsuranskan disebabkan pengemasan yang lemah oleh **Penyewa Yang Melarikan Diri**;
- (d). Kehilangan pendapatan dan sebarang kerugian berbangkit atau tidak langsung;
- (e). Kecurian identiti dan kerugian kewangan;
- (f). Kehilangan atau kerosakan kepada seni halus, barang kemas, jam tangan, syiling, logam berharga, wang tunai, jam tangan,
- (g). barang platinum, emas dan perak, barang kemas dan bulu;

Definisi Khusus

“Penyewa Yang Melarikan Diri” bermaksud penyewa, bersama-sama dengannya, dia atau isi rumah mereka melarikan diri atau meninggalkan obligasi penyewa di bawah perjanjian penyewaan untuk **Bangunan Anda** tanpa sebarang notis (bertulis/lisan) jika gagal membayar penyewaan atau tanpa niat untuk kembali atau menghormati penyewaan tersebut.

“Kehilangan Pendapatan Sewa” bermaksud jumlah sewa yang tertunggak yang **Penyewa Yang Melarikan Diri** telah gagal membayar Tuan Rumah tolak sebarang deposit sewa yang telah dibayar Penyewa yang melarikan diri kepada Tuan Rumah tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Bahagian A1 Jadual Manfaat. Sekiranya **Anda** berjaya mendapatkan semula sebarang sewaan terkumpul yang perlu dibayar kepada **Anda** daripada **Penyewa Yang Melarikan Diri** selepas **Kami** membayar tuntutan **Anda**, dan amaun sewa terkumpul yang diperolehi ditambah dengan amaun yang **Kami** bayar kepada **Anda** adalah lebih daripada jumlah sewa terkumpul (jumlah lebihan), **Anda** bertanggungjawab untuk membayar balik kepada **Kami** jumlah lebihan atau jumlah tuntutan yang **Kami** bayar kepada **Anda**, yang mana lebih rendah.

“Harta Yang Diinsuranskan” bermaksud item yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi**.